



## PEMBERITAHUAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan soal selidik susulan hasil perundingan awam yang telah dijalankan oleh pihak Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) mengenai penambahbaikan terhadap Kod Amalan Am Pengguna untuk industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau *General Consumer Code of Practise for the Communications and Multimedia Malaysia (GCC)*.

Soal selidik ini merangkumi tiga (3) perkara iaitu mengenai pengebilan perkhidmatan, kepentingan untuk mendapatkan persetujuan secara jelas dan cadangan samada klausa "Force Majeure" dikekalkan di dalam GCC. Soal selidik ini boleh dicapai melalui pautan berikut: <https://survey.skmm.gov.my/efm/se/6D5CBBB62839FA71>.

Soal selidik ini akan dilaksanakan mulai dari 21 Jun 2021 sehingga 21 Julai 2021 dan dijalankan melalui sistem kajian dalam talian selamat MCMC. Pemilihan responden adalah melalui kriteria yang berikut:

- a. Responden yang dipilih adalah merupakan pengguna Portal Aduan MCMC dan;
- b. Jemputan melalui hebahan secara terbuka kepada pengguna laman sosial Twitter dan Facebook rasmi MCMC melalui pautan <https://twitter.com/McmcReact> dan <https://www.facebook.com/SuruhanjayaKomunikasiMultimediaMalaysia>

Adalah dimaklumkan bahawa tujuan soal selidik ini adalah untuk pengumpulan data sahaja. Tiada sebarang data peribadi seperti nama penuh atau maklumat bank akan dikutip. Selain itu, tiada wang akan dikutip mahupun sebarang urusan jualan dilakukan.

Penyertaan bagi soal selidik ini adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun, kerjasama daripada responden adalah sangat dihargai. Sebarang penamatan atau pelanjutan tempoh soal selidik akan diumumkan dengan sewajarnya melalui laman sesawang MCMC: <https://www.mcmc.gov.my/>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
MCMC HQ Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor  
**(u.p: Jabatan Perlindungan Pengguna)**

Tel: 1 800 188 030 (8.30 pagi hingga 5.30 petang (Isnin hingga Jumaat))  
Emel: [aduanskmm@mcmc.gov.my](mailto:aduanskmm@mcmc.gov.my)

[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)